



MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 2
MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 2
MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 2

Wednesday 22 May 2002 (morning)
Mercredi 22 mai 2002 (matin)
Miércoles 22 de mayo de 2002 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works, will not score high marks.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- Ne pas ouvrir cette épreuve avant d'y être autorisé.
- Traiter un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2^e partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie n'obtiendront pas une note élevée.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.

Tuliskan satu eseai mengenai **satu** daripada perkara-perkara berikut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Rujukan mendalam kepada satu karya dari jenis yang sama dalam Bahagian 2 adalah dibenarkan tetapi hanyalah sebagai tambahan kepada sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3. Rujukan kepada karya-karya lain adalah dibenarkan tetapi tidak boleh menjadi bahagian utama jawapan anda.

Cerpen

1. *Sama ada*

- (a) Kebanyakan cerpen Melayu memaparkan tema-tema yang sama. Berdasarkan kepada cerpen-cerpen yang anda kaji, bincangkan bagaimana persamaan ini dipaparkan.

Atau

- (b) Seringkali terdapat persoalan pertentangan nilai masyarakat dalam cerpen, misalnya antara golongan tua dan muda, bandar dan desa, dan sebagainya. Dengan merujuk kepada cerpen-cerpen yang anda kaji, bincangkan bagaimana persoalan ini digambarkan.

Drama

2. *Sama ada*

- (a) Konflik jiwa atau konflik dalam diri watak merupakan satu persoalan yang diketengahkan oleh para penulis. Berdasarkan drama-drama yang anda kaji, bandingkan bagaimana konflik dalaman watak-watak ini digambarkan.

Atau

- (b) Drama Melayu sering juga menggunakan tokoh-tokoh sejarah atau lagenda sastera sebagai watak. Pemaparan watak ini pula berbagai-bagai tergantung kepada kehendak ataupun tujuan penulisnya. Berdasarkan drama-drama yang anda kaji, beri pendapat anda tentang tujuan pemaparan itu dan apakah kesannya kepada pembaca.

Novel

3. *Sama ada*

- (a) Novel-novel Melayu sering menggambarkan watak-watak miskin, kurang berpelajaran dan berjawatan rendah sebagai mulia sedangkan watak-watak kaya, terpelajar dan berkedudukan tinggi pula sangat keji. Berdasarkan novel-novel yang anda kaji berikan contoh-contoh pemaparan di atas dan bincangkan kesan menyeluruh yang dirasakan.

Atau

- (b) Ada pendapat yang mengatakan bahawa karya sastera seperti novel merupakan perakam sejarah pergolakan dan perkembangan sesuatu bangsa. Rakaman ini pula adalah melalui tema dan persoalan, atau perwatakan, atau latar novel. Bincangkan bagaimana pemaparan ini dilakukan oleh pengarang berdasarkan novel-novel yang anda kaji.

Prosa Tradisional

4. *Sama ada*

- (a) Prosa tradisional Melayu sering menggambarkan ciri-ciri kebaikan atau kekuatan watak-watak utama lelaki atau wanita secara berlebih-lebihan. Dengan membincangkan sekurang-kurangnya dua watak utama dari karya-karya yang anda kaji, nyatakan pendapat anda tentang tujuan teknik ini dan kesannya kepada pembaca.

Atau

- (b) Salah satu teknik penceritaan dalam prosa tradisional ialah dengan menyelitkan unsur-unsur puisi. Dengan memberikan contoh-contoh, bincangkan teknik ini dan nyatakan pendapat anda tentang kesannya kepada pembaca.

Puisi

5. *Sama ada*

- (a) Penyajak-penyalak sering menggunakan alam sebagai sumber imej dan perlambangan. Berdasarkan puisi-puisi yang anda kaji, bincangkan imej-imej dan lambang-lambang yang digunakan, dan sejauh manakah ianya berkaitan dengan alam.

Atau

- (b) “Cintakan tanah air” merupakan satu tema besar yang sering dipuisikan. Berdasarkan puisi-puisi yang anda kaji, bincangkan cara-cara berbeza yang digunakan oleh penyajak-penyalak untuk menyampaikan tema ini.

Am

6. Sama ada

- (a) Berdasarkan dua watak dalam karya-karya yang anda baca, bincangkan mengapa mereka meninggalkan kesan berpanjangan yang mendalam kepada anda.

Atau

- (b) Kepincangan masyarakat seringkali menjadi tema bagi penulis-penulis. Pilih satu atau dua permasalahan ini dari karya-karya yang anda baca dan bincangkan bagaimana ianya dipaparkan oleh penulis-penulis berkenaan.

Atau

- (c) Perjuangan wanita adalah sesuatu yang telah lama ditampilkan dalam karya-karya sastera. Berdasarkan kepada mana-mana karya yang berbeza, bincangkan ciri-ciri perjuangan yang dipaparkan dan bagaimana ianya diatasi oleh watak-watak berkenaan.

Atau

- (d) Bahasa yang ringkas dan padat adalah lebih menarik dan berkesan dalam penceritaan. Sejauh manakah kenyataan ini benar berdasarkan karya-karya yang anda kaji.